



قجابت مفتي نكري سابه
PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH

**KENYATAAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SABAH
PELANJUTAN TEMPOH PENANGGUHAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU
SEHINGGA 28 APRIL 2020**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 28 April 2020/05 Ramadan 1441H bagi menangani penularan wabak Covid-19. Justeru itu, saya bagi pihak Majlis Fatwa Negeri Sabah setelah mengambil kira asas-asas syarak dan maqasid syariah demi kemaslahatan dan kebaikan umat Islam bersetuju memutuskan bahawa:

1. Arahan penangguhan aktiviti solat berjemaah dan solat jumaat di masjid dan surau dilanjutkan tempohnya sehingga 28 April 2020M/05 Ramadan 1441H (Selasa).
2. Keputusan ini akan melibatkan penangguhan solat jumaat pada 17 April 2020M/23 Syaaban 1441H dan 24 April 2020M/ 01 Ramadan 1441H. Ahli Qaryah wajib solat fardu zuhur pada hari jumaat tersebut dan solat fardu di rumah atau kediaman masing-masing sepanjang tempoh tersebut.
3. Umat Islam hendaklah merujuk garis panduan yang pernah dikeluarkan sebelum ini iaitu "Irsyad Mengenai Garis Panduan Masjid dan Surau Sepanjang Tempoh Penangguhan Solat Jumaat, Berjemaah dan Aktivitinya" dan garis panduan lain yang dikeluarkan oleh pihak berwajib.
4. Umat Islam perlu mengambil langkah keselamatan dan sentiasa mengambil langkah keselamatan mengikut saranan dan garis panduan pihak Kementerian Kesehatan Malaysia.

5. Pejabat Mufti Negeri Sabah ingin menjelaskan kaedah pelaksanaan Ibadat pada bulan Ramadhan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid 19 sebagai panduan umat Islam di Negeri Sabah seperti berikut:

A. PUASA BAGI PESAKIT COVID-19

- i. Ibadah Puasa wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang telah baligh, berakal, berupaya berpuasa, bermukim dan suci daripada haid dan nifas.
- ii. Orang sakit yang tidak berupaya berpuasa, mereka diharuskan untuk tidak berpuasa sebagaimana rukhsah yang lain.
- iii. Orang yang sihat namun kkuatir dengan berpuasa akan menyebabkan ia sakit berdasarkan nasihat pihak perubatan, mereka ini dianggap sebagai keuzuran yang mengharuskan untuk berbuka (tidak puasa).
- iv. Berikut adalah panduan berpuasa yang perlu diberikan perhatian oleh para pesakit Covid-19;
 - a) Berniat melaksanakan ibadah puasa pada malam hari atau ketika bersahur.
 - b) Melaksanakan puasa sebagaimana biasa mengikut kadar kemampuan diri masing-masing.
 - c) Diharuskan berbuka puasa apabila tidak mampu meneruskan ibadah puasa.
 - d) Diharuskan berbuka atas atas nasihat para doktor Muslim yang merawat mereka, sekiranya puasa boleh melambatkan kesembuhan atau akan memudharatkan lagi keadaan pesakit.
 - e) Diharuskan untuk tidak berpuasa bagi pesakit yang kritikal.
 - f) Pesakit yang tidak berpuasa hendaklah menghormati bulan Ramadhan dengan menjaga adab-adab tertentu.
 - g) Ibadah puasa yang ditinggalkan hendaklah diganti semula setelah mereka sihat mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.
 - h) Memperbanyakkan ibadah-ibadah sunat yang lain seperti membaca al-Quran, solat terawih, solat-solat sunat, berselawat, bersedekah, berdoa dan sebagainya.

B. SOLAT TARAWIH DALAM TEMPOH PKP

- i. Sembahyang Tarawih hukumnya adalah sunat muakkad (yang sangat dituntut) bagi orang-orang Islam lelaki dan perempuan pada tiap-tiap malam bulan Ramadhan, sama ada secara berseorangan atau berjamaah.
- ii. Orang Islam dianjurkan mendirikan sembahyang Tarawih di rumah masing-masing.
- iii. Waktu sembahyang Tarawih ialah selepas sembahyang fardhu Isyak dan sunat ba'diah dua rakaat.
- iv. Bilangan sembahyang Tarawih yang paling utama didirikan adalah sebanyak dua puluh rakaat.


6. Semoga Allah SWT mengurniakan pahala yang besar bagi setiap orang Islam yang membesarkan setiap syiar Allah SWT dan diberikan kekuatan melaksanakan setiap ibadah yang wajib, mahupun yang sunat. Semoga Allah SWT memberikan pemeliharaan dan perlindungan kepada semua rakyat daripada sebarang wabak di negeri ini khususnya dan Malaysia amnya.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

"Ya Allah, kami berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta, dan penyakit-penyakit yang buruk."

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

^ Sekian, Wassalam



SS DATUK HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR

Mufti Kerajaan Negeri Sabah, merangkap

Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah

13 April 2020/19 Syaaban 1441H

